

Kempen Sumbangan CIMB Visa Debit Card-GAPS

Terma dan Syarat

1. Kempen Sumbangan CIMB Visa Debit Card-GAPS ("**Kempen**") dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad [Nombor Pendaftaran: 197201001799] dan CIMB Islamic Bank Berhad [Nombor Pendaftaran: 200401032872] (secara kolektif dirujuk sebagai ("**CIMB**").
2. GAPS ialah singkatan untuk Gabungan Anak-Anak Palsi Serebrum ("**GAPS**").

Tempoh Kempen

3. Kempen akan berlangsung dari 1 Januari 2026, 12.00 pagi sehingga 31 Disember 2026, 11.59 malam termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("**Tempoh Kempen**").
4. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu mencukupi sebanyak tujuh (7) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen.

Kelayakan

5. Kempen ini terbuka kepada semua Pemegang Kad Debit Visa CIMB baru yang mana kad telah dikeluarkan atau diganti semasa Tempoh Kempen ("**Pelanggan Layak**").
6. Kempen ini juga terbuka kepada semua kakitangan baru dan sedia ada CIMB (termasuk kakitangan kontrak dan percubaan). "CIMB" bermaksud kumpulan syarikat/entiti undang-undang di mana CIMB Group Holdings Berhad, sebagai syarikat induk muktamad CIMB mempunyai kawalan terhadap kepentingan secara langsung atau tidak langsung, sama ada dengan sendiri atau melalui anak syarikatnya.
7. Tiada pendaftaran diperlukan untuk menyertai Kempen ini.

Mekanisme Kempen

8. Untuk mengelakkan keraguan, mekanik kempen hendaklah termasuk perkara di bawah:-
 - i) CIMB akan menderma RM2 kepada GAPS untuk setiap Kad Debit Visa CIMB yang dikeluarkan atau diganti semasa Tempoh Kempen ("**Sumbangan**").
 - ii) GAPS akan menggunakan Sumbangan untuk:-
 - a) Membeli peralatan pemulihan untuk pesakit Palsi Serebrum yang tidak berkemampuan;
 - b) Menaja aktiviti pengayaan seperti fisioterapi, terapi pekerjaan dan program pendidikan yang dijalankan di GAPS-Resource Education, Awareness & Therapy Academy yang diuruskan oleh GAPS;
 - c) Menaja pemacu kesedaran dan pameran jelajah GAPS di seluruh Malaysia.
9. Pelanggan Layak tidak layak untuk membuat tuntutan pemotongan cukai pendapatan bagi Sumbangan yang dibuat oleh CIMB kepada GAPS.
10. Sumbangan akan dibuat secara automatik oleh CIMB kepada GAPS sepertimana ditadbir dalam rangka kerja Sumbangan yang ditetapkan antara kedua-dua pihak.

11. Dengan memohon Kad Debit Visa CIMB, Pelanggan Layak akan didaftarkan secara automatik untuk mengambil bahagian dalam Kempen. Sebarang permintaan untuk menukar jumlah Sumbangan RM2 kepada pulangan tunai atau sebarang bentuk lain tidak akan dilayan.
12. CIMB berhak untuk:
 - a) menggantikan Sumbangan dengan item yang sama nilainya; dan/atau
 - b) melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberikan tujuh (7) hari notis kalendar kepada Pelanggan Layak melalui cara pemberitahuan yang dinyatakan dalam Klausula 17.
13. Sumbangan ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh CIMB. Pelanggan Layak tidak akan dicaj untuk Sumbangan tersebut.
14. Sumbangan tidak akan dipaparkan dalam penyata akaun Pelanggan Layak, CIMB Clicks dan/atau sejarah transaksi CIMB OCTO APP.

Terma dan Syarat Am

15. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka:
 - a) dikehendaki membaca dan memahami terma dan syarat ini;
 - b) telah membaca, mengakses, dan mengesahkan persetujuan mereka dengan Terma dan Syarat ini;
 - c) mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang menjejaskan kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
 - d) memberi persetujuan kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta sebarang data peribadi mana-mana individu yang Pelanggan Layak mungkin berkongsi dengan CIMB menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my & [https://cerebralspalsy.org. my/](https://cerebralspalsy.org.my/)
 - e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap Peserta Layak jika Penganjur tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana obligasinya dalam Terma dan Syarat ini yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung dengan:
 - i) kegagalan apa-apa peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data atau talian penghantaran;
 - ii) kegagalan elektrik;
 - iii) pertikaian perindustrian, peperangan, mogok atau rusuhan;
 - iv) sebarang bencana alam (*'act of God'*) di luar kawalan CIMB; atau
 - v) sebarang faktor yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
16. CIMB mempunyai hak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang ditentukan melanggar Terma dan Syarat ini.
17. CIMB berhak melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Kempen dengan memberikan notis kepada Peserta Layak selama tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu melalui:
 - (i) pengumuman pada laman sesawang CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak terhadap apa-apa kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak, sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada apa-apa pembatalan, penangguhan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.

18. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian, kos atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas) terhasil daripada:

- a) Penyertaan atau tidak penyertaan Peserta Layak dalam Kempen; dan/atau
- b) Sebarang ketidakterimaan atau penerimaan tertunda oleh Peserta Layak bagi mana-mana Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) atau eDM

melainkan kerugian atau kerosakan tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian besar CIMB atau keingkaran yang disengajakan.

19. CIMB berhak mengubah, menambah, memotong atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ini ("Pindaan") dengan memberikan notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta Layak melalui:

- (i) pengumuman pada laman sesawang CIMB; dan/atau
- (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
- (iii) iklan dalam satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
- (iv) apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

- b) Pindaan hendaklah dianggap sebagai mengikat Pelanggan Layak dari tarikh seperti yang ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan itu.
- c) Jika perubahan itu diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("Peraturan") maka ia akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Pelanggan Layak tentang perubahan ini sebagai secepat mungkin.
- d) Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang CIMB pada waktu selang yang tetap untuk melihat terma dan syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa mereka mendapat maklumat kemas kini mengenai apa-apa perubahan kepada Terma dan Syarat ini.

20. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak terhadap apa-apa kerugian, kos atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung Pindaan.

21. Pelanggan Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB menanggung rugi terhadap sebarang yuran, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada Pelanggan Layak:

- a. penyertaan dalam Kempen; dan/atau
- b. pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi Terma dan Syarat ini.

22. Terma dan Syarat ini:

- a) hendaklah mengatasi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan

- b) harus dibaca bersama dengan terma dan syarat semasa bagi Akaun Semasa /-i, Akaun Simpanan/-i CIMB dan terma dan syarat bagi Kad Visa Debit CIMB yang hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini.

23. Terma dan Syarat ini hendaklah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia, peraturan dan garis panduan oleh Bank Negara Malaysia dan badan kawal selia lain yang berkaitan yang mana CIMB tertakluk.
24. Jika CIMB tidak melaksanakan hak yang dimilikinya dalam Terma dan Syarat ini, ini tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau mana-mana hak lain yang CIMB miliki pada masa hadapan.
25. a) Pelanggan Layak boleh menghubungi Unit Penyelesaian Pelanggan CIMB ("CRU") untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berkaitan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon atau e-mel:

Alamat:	Unit Resolusi Pelanggan CIMB (CRU) Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan
No. Pusat Panggilan:	603 6204 7788
Emel:	contactus@cimb.com

- b) CIMB boleh menukar butiran hubungan di atas dengan memberitahu Pelanggan Layak melalui pengumuman di laman sesawang CIMB atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.